

Pelajar UKM-GSB sumbang peralatan makmal sains



PELAJAR Pengurusan Perniagaan UKM-GSB bergambar kenangan bersama murid SJKT Ladang Sungai Muar, Segamat, Johor baru-baru ini.

BANTU.

Sekumpulan pelajar Pengurusan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia-Graduan School of Business (UKM-GSB) membantu menyediakan keperluan asas pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Sungai Muar, Segamat, Johor baru-baru ini.

Pengarah projek, S. Nagendran berkata, sekolah itu dipilih kerana kedudukannya di kawasan pedalaman selain tiada kemudahan pembelajaran yang lengkap termasuk makmal sains.

Selain itu, pihaknya turut menyumbangkan dana sebanyak RM1.500 yang diperoleh daripada pelbagai pihak untuk membelikan peralatan makmal sains, alatan komputer serta keperluan persekolahan murid-murid di sekolah tersebut.



Gambar dan berita yang disiarkan dalam Komuniti Kita kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my